



MAHKAMAH TINGGI MENOLAK RAYUAN BAGI TUNTUTAN PERBELANJAAN FAEDAH

— BACSB v KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

📍 Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

📅 4 Disember, 2019

🏛️ Bahagian Litigasi Cukai,
Jabatan Undang-Undang
LHDNM

HAKIM

YA Dato' Sri Mariana Haji Yahya

PEGUAM HASIL

Ahmad Isyak Mohd Hassan
Ruzaidah Yaacob

ISU

Sama ada perbelanjaan faedah yang ditanggung oleh Syarikat (Perayu) dalam Tahun Taksiran (TT) 2011 dan 2012 atas pinjaman berjangka dan kemudahan kredit pusingan yang diperolehi Perayu bagi menebus semula Saham Keutamaan Boleh Tebus (Redeemable Preference Shares "RPS") boleh di tolak di bawah seksyen 33(1) atau 33(1)(a) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

FAKTA KES

1. Perayu ditubuhkan pada 1994. Aktiviti utama adalah penyediaan makanan kepada syarikat penerbangan. Sebelum 2004, Perayu adalah merupakan syarikat milik penuh M Berhad. M Berhad telah mendahulukan modal kerja kepada Perayu bagi tujuan perniagaan.
2. Dalam tahun 2002, M Berhad melupuskan 70% sahamnya dalam Perayu. Berikutan daripada penjualan tersebut dan sebagai pembayaran balik pendahuluan yang telah diberikan oleh M Berhad kepada Perayu sebelum ini, hutang tersebut telah ditukar kepada RPS. Pembayaran balik hutang melalui RPS dibuat kerana mereka tidak berjaya untuk mendapatkan pinjaman daripada bank kerana kedudukan kewangan yang teruk pada masa tersebut.
3. Dalam tahun 2007, Perayu telah berjaya memperoleh pinjaman bank bagi tujuan menebus RPS dan telah membayar faedah pinjaman. Perayu kemudiannya menuntut menuntut perbelanjaan faedah pinjaman tersebut dibenarkan sebagai perbelanjaan faedah, namun telah tidak dibenarkan oleh Respondent.
4. Perayu yang tidak berpuashati dengan keputusan Responden telah memfailkan rayuan ke Pesuruhjaya Khas Cukai pendapatan (PKCP). Setelah rayuan Perayu dibicarakan, PKCP menolak rayuan Perayu. Perayu tidak berpuashati dengan keputusan tersebut kemudiannya memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

HUJAHAN PERAYU

1. Perayu layak untuk menuntut perbelanjaan faedah kerana RPS tersebut adalah merupakan hutang yang perlu dibayar oleh Perayu.
 2. RPS diterbitkan oleh Perayu adalah bagi mengambil alih hutang kepada M Berhad. Oleh itu, apabila pinjaman dibuat bagi menebus semula RPS, ianya adalah sama seperti Perayu menebus kembali hutang daripada M Berhad dengan menggantikan RPS dengan pinjaman bank. Dengan itu faedah yang terbit layak untuk mendapat potongan di bawah seksyen 33(1) atau 33(1)(a) ACP.
-

HUJAHAN RESPONDEN

1. Bayaran faedah yang terbit daripada faedah pinjaman tersebut tidak layak untuk mendapat potongan kerana ianya digunakan semata mata untuk menebus RPS dan bukannya bagi tujuan pembayaran hutang perniagaan kepada M Berhad.
 2. Fakta jelas menunjukkan bahawa hutang kepada M Berhad telah pun diselesaikan sepenuhnya melalui penerbitan RPS itu sendiri. Oleh itu, tindakan Perayu untuk menebus RPS tersebut bukanlah bagi tujuan pembayaran hutang perniagaan kepada M Berhad.
-

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Rayuan PC ditolak dengan kos sebanyak RM 4,000.00.